

# UMS perlu terbit artikel dalam jurnal impak tinggi

**Hayati Dzulkifli**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi untuk mencapai status universiti penyelidikan supaya diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Kassim Md. Mansur berkata, kesedaran seperti itu dalam UMS masih di tahap yang boleh diperbaiki.

"Masih ada pensyarah, penyelidik dan aktivis dalam bidang penerbitan termasuk perpustakawan dan pegawai sains yang masih belum jelas tentang jurnal berimpak tinggi.

"Ini mungkin berlaku disebabkan kurangnya pendedahan mengenai faedah jurnal berimpak tinggi terhadap status sebuah universiti. Dan kemudiannya, ramai yang keliru dan tidak dapat membezakan jurnal berimpak tinggi dengan jurnal antarabangsa, dan jurnal profesional, antara lain, kecuali para penyelidik di universiti-universiti yang telah mencapai status universiti penyelidikan.

"Dengan itu, UMS menerima cabaran itu dan tidak mahu ketinggalan di belakang daripada gelombang pendidikan global dengan mengambil daya

usaha meningkatkan tahap kesedaran mengenai kebaikan menerbitkan jurnal berimpak tinggi dalam kalangan pensyarah dan para pegawai yang berkaitan," katanya.

Dr. Kassim berkata demikian di perasmian sebuah bengkel mengenai Jurnal Impak Tinggi 2010 di kampus UMS di sini pada Khamis.

Turut hadir ialah Ketua Unit Penerbitan UMS yang juga Pengerusi 1 bengkel itu, Prof. Dr. Zainodin Hj, Jubok, Ketua Perpustakawan UMS yang juga Pengerusi II bengkel itu, Dayang Rukiah Ag. Amit serta pegawai lain.

Dr Kassim berkata, isu jurnal berimpak tinggi diperkatakan secara meluas apabila Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan sistem pengiktirafan melalui pengenalan Indeks Pencapaian Utama (KPI) di mana salah satu penilaian dibuat berdasarkan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

"Itulah sebabnya kenapa unit penerbitan dan perpustakaan UMS bersama-sama Thomson Reuters berganding bahu menganjurkan bengkel ini untuk melatih dan mendedahkan tujuan tersebut kepada para peserta.

"Sebagai tambahan, kita (UMS) juga menyediakan insentif dalam bentuk pem-

biayaan kepada pensyarah yang berjaya yang menghasilkan artikel dalam jurnal impak tinggi yang mendapat sambutan menggalakkan serta impak. Sumbangan kewangan seperti itu boleh memotivasikan mereka untuk menulis dan menghasilkan artikel-artikel berkualiti," katanya.

Seterusnya, Dr Kassim berkata, UMS menyediakan kemudahan untuk mengakses Laman ISI Sains, iaitu satu sumber antarabangsa dalam menghasilkan artikel untuk jurnal berimpak tinggi.

Katanya, mereka akan menyediakan maklumat terkini kepada ahli-ahli akademiknya mengenai jurnal Malaysia yang telah diindeks antarabangsa dan maklumat bernilai lain yang layak untuk sebuah jurnal untuk diindeks.

Jelas, katanya, penerbitan jurnal impak tinggi amat berkesan dalam penetapan standard sesebuah universiti khususnya dalam mencapai status antarabangsa.

Sebagai contoh Dr Kassim berkata, Universiti Malaya yang menghasilkan banyak kaji selidik dan menerbitkannya dalam jurnal, telah berhasil menaikkan kedudukannya daripada tangga 230 pada 2008 kepada 180 pada 2009 berdasarkan penarafan oleh Times Higher Education.